



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my



Ruj. Kami : KEW 100-0/61/51 (6)

Tarikh : 26 Januari 2026

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kecil

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN SIJIL DIGITAL PUSAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN NEGERI SABAH (PUKONSA) DAN PENGGUNAAN APLIKASI eVALIDATOR UNTUK TUJUAN PENGESAHAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan Kementerian Kewangan telah mula mengeluarkan Sijil Digital Pendaftaran PUKONSA kepada semua kontraktor/pembekal/perunding yang berdaftar dengan PUKONSA bermula dari tarikh 01 Mac 2023. Sehubungan dengan itu, tiada lagi sijil fizikal pendaftaran PUKONSA dikeluarkan bermula dari tarikh tersebut.

3. Walau bagaimanapun, diperhatikan bahawa terdapat isu pemalsuan Sijil Digital Pendaftaran PUKONSA bagi tujuan menyertai tender/sebutharga atau mendapat tawaran kontrak kerja. Perbuatan pemalsuan Sijil Digital Pendaftaran PUKONSA boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan Negeri serta imej dan kredibiliti perkhidmatan awam.

...2/

“SABAH MAJU JAYA”



Rujukan Kami : KEW 100-0/61/51 (6)

Tarikh : 26 Januari 2026

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN SIJIL DIGITAL PUSAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN NEGERI SABAH (PUKONSA) DAN PENGGUNAAN APLIKASI eVALIDATOR UNTUK TUJUAN PENGESAHAN

4. Oleh yang demikian, Kementerian ini menekankan penggunaan aplikasi **eValidator** untuk mengesahkan ketulenan Sijil Digital Pendaftaran PUKONSA yang ditandatangani secara digital menggunakan *Pos Digicert's Digital Signing Solution*. Penggunaan aplikasi ini bertujuan untuk mengesan sebarang pengubahsuaian atau pemalsuan pada Sijil Digital Pendaftaran PUKONSA. Untuk makluman, kod QR yang disematkan pada Sijil Digital Pendaftaran PUKONSA hanya boleh dibaca oleh eValidator. Aplikasi eValidator boleh dimuat turun dengan mengimbas kod QR di Lampiran 1.

5. Kerajaan Negeri memandang serius isu pemalsuan dokumen dan **peringatan tegas** diberikan kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan untuk bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua proses perolehan yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi dengan memastikan kesahihan dokumen yang dikemukakan oleh kontraktor/pembekal/perunding. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan yang gagal mematuhi peraturan perolehan Kerajaan Negeri boleh diambil tindakan selaras dengan peruntukan yang sedang berkuat kuasa.


6. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan berkenaan kandungan surat ini hendaklah dirujuk kepada **Unit PUKONSA, Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam, Kementerian Kewangan Negeri Sabah**.

Sekian dan terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK MOHD SOFIAN ALFIAN NAIR, JP)
Setiausaha Tetap

Rujukan Kami : KEW 100-0/61/51 (6)
Tarikh : 26 Januari 2026

**PEMAKLUMAN PELAKSANAAN SIJIL DIGITAL PUSAT PENDAFTARAN
KONTRAKTOR KERJA, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN NEGERI SABAH
(PUKONSA) DAN PENGGUNAAN APLIKASI eVALIDATOR UNTUK TUJUAN
PENGESAHAN**

- s.k.: (1) Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Jabatan Ketua Menteri,
Tingkat 28, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 KOTA KINABALU
- (2) Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri Sabah,
Tingkat 8 - 11, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 KOTA KINABALU
- (3) Pengarah
Jabatan Audit Dalam Negeri Sabah,
Tingkat 7 - 11, Blok B,
Wisma Tun Fuad Stephens,
Jalan Tuaran, Karamunsing,
88646 KOTA KINABALU

Rujukan Kami : KEW 100-0/61/51 (6)

Tarikh : 26 Januari 2026

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN SIJIL DIGITAL PUSAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN NEGERI SABAH (PUKONSA) DAN PENGGUNAAN APLIKASI eVALIDATOR UNTUK TUJUAN PENGESAHAN

LAMPIRAN 1

Aplikasi eValidator



Aplikasi eValidator



Sila imbas kod qr di atas untuk memuat turun aplikasi eValidator daripada *Google Play* dan *App Store*.



Kedua-dua aplikasi *Google Play* dan *App Store* akan memaparkan imej aplikasi eValidator setelah kod qr di atas diimbas.